

13 FEB, 2022

Kerajaan kaji keperluan bekerja dari rumah

Berita Harian Ahad, Malaysia



Page 1 of 2

Penularan COVID-19

Kerajaan kaji keperluan bekerja dari rumah

Perbincangan lanjut peringkat Jemaah Menteri sebelum dilaksanakan kepada 1.4 juta penjawat awam

Oleh Zatul Iffah Zolkipli
zatuliffah@hmetro.com.my

Kuala Terengganu: Kerajaan akan menilai keperluan untuk penjawat awam bekerja dari rumah (BDR) susulan kenaikan mendadak kes jangkitan COVID-19 akibat varian Omicron ketika ini.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, berkata pihaknya sedang memperhalusi keperluan itu dan berbincang secara lanjut pada peringkat Jemaah Menteri sebelum boleh dilaksanakan terhadap 1.4 juta penjawat awam di seluruh negara.

"Saya tak boleh kata apa lagi mengenai perkara ini (BDR), tetapi kita akan teliti sebab perkara ini perlu dibincang pada peringkat Jemaah Menteri dan kita akan patuh.

"Cuma kita minta berhati-hati dan perkara paling mustahak untuk kita (penjawat awam) ialah patuh terhadap prosedur operasi standard (SOP) COVID-19 dengan mengikut arahan yang diberikan pihak berwajib," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Jalinan Kasih Keluarga Malaysia (Tanggungjawab So-



Mohd Zuki menyampaikan sumbangan kepada asnaf pada Majlis Jalinan Kasih Keluarga Malaysia (Tanggungjawab Sosial Korporat) Jabatan Kastam Diraja Malaysia Terengganu Bersama Ketua Setiausaha Negara dan Ketua Pengarah Kastam di Kuala Terengganu, semalam. (Foto Zatul Iffah Zolkipli /BH)

sial Korporat) Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Terengganu Bersama Ketua Setiausaha Negara dan Ketua Pengarah Kastam di Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Bayas Kuala Terengganu, di sini, semalam.

Pada majlis itu, seramai 88 as-

naf menerima bantuan bakul makanan, wang tunai dan kerusi roda disumbangkan JKDM dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu.

Sebelum ini, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar mengumumkan negara kini

sudah sepenuhnya berdepan gelombang varian Omicron dan kes harian COVID-19 yang dijangka terus meningkat.

Ketika ini, peningkatan kes jangkitan COVID-19 melebihi kadar 20,000 kes sehari angkara gelombang varian Omicron.



13 FEB, 2022

Kerajaan kaji keperluan bekerja dari rumah

Berita Harian Ahad, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Penularan COVID-19

Perbincangan lanjut peringkat Jemaah Menteri sebelum dilaksanakan kepada 1.4 juta penjawat awam

Kuala Terengganu: Kerajaan akan menilai keperluan untuk penjawat awam bekerja dari rumah (BDR) susulan kenaikan mendadak kes jangkitan COVID-19 akibat varian Omicron ketika ini.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, berkata pihaknya sedang memperhalusi keperluan itu dan berbincang secara lanjut pada peringkat Jemaah Menteri sebelum boleh dilaksanakan terhadap 1.4 juta penjawat awam di seluruh negara.